



**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Galeria PjH, Aras 3 - 7, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

Tel : 03-8891 9000

Faks : 03-8891 9300



Ruj. Kami: JPPKK/BKP(ICT)/100-15/1/15 (30)

Tarikh : 9 Julai 2019

Seperti Senarai Edaran,

Tuan,

**ARAHAN PENGUKUHAN KESELAMATAN PERALATAN ICT BAGI POLITEKNIK
DAN KOLEJ KOMUNITI BIL.3/2019**


Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Polisi Keselamatan Siber Kementerian Pendidikan Malaysia V1.0 telah dilancarkan pada 16 April 2019. Antara perkara yang ditekankan di dalam polisi tersebut adalah Keselamatan Fizikal dan Persekitaran (Bidang 07).
 3. Untuk makluman semua, pada tahun 2019 kes kecurian ke atas peralatan ICT telah berlaku di beberapa buah agensi dengan modus operandi yang hampir sama. Oleh itu, JPPKK ingin mengingatkan semua pihak memandag serius perkara ini dan mengambil tindakan pengukuhan dan pencegahan yang sewajarnya bagi mengelakkan kes ini daripada berulang.
 4. Kehilangan peralatan ICT ini akan menyebabkan urusan pentadbiran dan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) tergendala dan mengakibatkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang besar.
 5. Bersama-sama ini dilampirkan tindakan yang perlu diambil oleh Pihak Pentadbiran dan semua PTM/PPTM Politeknik dan Kolej Komuniti bagi memperkukuhkan keselamatan peralatan ICT yang berada di agensi masing-masing.
-

6. Sehubungan itu, sebarang pertanyaan lanjut boleh dirujuk kepada Pasukan CERT JPPKK di talian 03-8888 2700 atau emel ke ppict@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH”



(TS. DR. MOHAMMAD NAIM BIN YAAKUB)
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti

Senarai Edaran

1. Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Semua Pengarah Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Pengarah Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia

ARAHAN PENGUKUHAN KESELAMATAN PERALATAN ICT

A. Keselamatan Kawasan

Melindungi premis dan aset ICT (aset kerajaan ataupun sewaan) daripada sebarang pencerobohan, ancaman, kerosakan serta akses yang tidak dibenarkan.

Perkara-perkara yang perlu dipatuhi termasuk yang berikut:

1. Kawasan keselamatan fizikal hendaklah dikenalpasti dengan jelas. Lokasi dan keteguhan keselamatan fizikal hendaklah bergantung kepada keperluan untuk melindungi aset dan hasil penilaian risiko;
2. Menggunakan keselamatan perimeter (halangan seperti dinding, pagar kawalan, pengawal keselamatan) untuk melindungi kawasan yang mengandungi maklumat dan kemudahan pemprosesan maklumat;
3. Memasang alat penggera atau kamera litar tertutup;
4. Mengehad jalan keluar masuk;
5. Mengadakan kaunter kawalan;
6. Melindungi kawasan terhad melalui kawalan pintu masuk yang bersesuaian bagi memastikan kakitangan yang diberi kebenaran sahaja boleh melalui pintu masuk ini;
7. Mereka bentuk dan melaksanakan keselamatan fizikal di dalam pejabat, bilik, makmal dan kemudahan yang disediakan;
8. Mereka bentuk dan melaksanakan perlindungan fizikal dari kebakaran, banjir, letupan, kacau bilau dan bencana; dan
9. Menyediakan garis panduan untuk kakitangan yang bekerja di kawasan terhad.

B. Keselamatan Peralatan

Melindungi peralatan ICT daripada kehilangan, kerosakan, kecurian serta gangguan kepada peralatan tersebut.

Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

1. Pengguna hendaklah menyemak dan memastikan semua peralatan ICT di bawah kawalannya berfungsi dengan sempurna;
2. Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya ke atas komputer masing-masing dan tidak dibenarkan membuat sebarang pertukaran perkakasan dan konfigurasi yang telah ditetapkan;
3. Pengguna dilarang sama sekali menambah, menanggal atau menggantikan sebarang perkakasan ICT yang telah ditetapkan;

4. Pengguna dilarang membuat instalasi sebarang perisian tambahan tanpa kebenaran Pentadbir Sistem ICT;
5. Pengguna adalah bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kehilangan peralatan ICT di bawah kawalannya;
6. Semua peralatan ICT hendaklah disimpan atau diletakkan di tempat yang teratur, bersih dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Peralatan rangkaian seperti *switches*, *router* dan lain-lain perlu diletakkan di dalam rak khas dan berkunci;
7. Semua peralatan yang digunakan secara berterusan mestilah diletakkan di kawasan yang berhawa dingin dan mempunyai pengudaraan yang sesuai;
8. Peralatan ICT yang hilang hendaklah dilaporkan kepada ICTSO dan Pegawai Aset agensi masing-masing dengan segera mengikut pekeliling perbendaharaan sedia ada atau kontrak sewaan yang sedang berjalan;
9. Pengguna tidak dibenarkan mengubah kedudukan komputer dari tempat asal ia ditempatkan tanpa kebenaran Pentadbir Sistem ICT;
10. Sebarang kerosakan peralatan ICT hendaklah dilaporkan kepada Pentadbir Sistem ICT untuk dibaik pulih;
11. Pengguna bertanggungjawab terhadap perkakasan, perisian dan maklumat di bawah jagaannya dan hendaklah digunakan sepenuhnya bagi urusan rasmi sahaja;
12. Pengguna hendaklah memastikan semua perkakasan komputer, pencetak dan pengimbas dan keadaan *OFF* apabila meninggalkan pejabat;
13. Bagi peralatan yang diletakkan di bilik gunasama seperti Makmal Komputer, lawatan dan semakan berkala hendaklah dilaksanakan bagi memastikan peralatan ICT berfungsi dengan baik; dan
14. Buku log penggunaan Makmal Komputer juga hendaklah dikemaskini setiap masa.